

Pengaruh Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan dan Komitmen Guru Terhadap Kualiti Pengajaran

¹Abdul Said Ambotang & ²Lena Anuar

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

²Pejabat Pendidikan Daerah Tawau, Sabah

Corresponding author: said@ums.edu.my

Dihantar: 30 Mei 2022/ Penambahbaikan: 28 Julai 2022/ Diterima: 19 September 2022/ Terbit: 28 Februari 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4279>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan dan Komitmen Guru terhadap Kualiti Pengajaran Guru sekolah rendah di Sabah, Malaysia. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan teknik persampelan kebarangkalian berstrata, kluster dan rawak mudah. Berpandukan Jadual Krejcie dan Morgan, sampel ditetapkan sebanyak 500 orang. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel diamalkan pada tahap tinggi. Analisis Ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan jantina kecuali pengetahuan pedagogi. Analisis ANOVA sehalu turut menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi semua variabel berdasarkan pengalaman mengajar. Analisis Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan lokasi bertugas kecuali variabel pengetahuan kandungan. Analisis ujian regresi menunjukkan kombinasi sumbangan variabel pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan komitmen guru adalah sebanyak 73.8% ($R^2=0.738$) terhadap kualiti pengajaran guru. Analisis SEM berjaya menunjukkan terdapat hubungan dan pengaruh secara langsung yang signifikan variabel-variabel bebas dengan variabel bersandar. Kajian menyumbangkan satu Model Kualiti Pengajaran Guru yang baharu dapat mengetengahkan pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan komitmen guru bagi menghasilkan kualiti pengajaran guru. Kajian lanjut dicadangkan berhubung pengaruh pengetahuan pedagogi terhadap amalan kualiti pengajaran guru berdasarkan teori baharu seperti kepimpinan transformasi.

Kata Kunci : Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, Komitmen Guru, Kualiti Pengajaran Guru

Pengenalan

Persekitaran kehidupan terus berubah dengan cepat dan berkembang dengan pantas. Arah kehidupan dunia menjadi semakin terbuka. Persaingan di peringkat global, antara organisasi dan antara individu tidak dapat dielakkan (Tajul Aripin et al., 2015). Persaingan sengit ini hanya mampu diatasi melalui peningkatan dalam kualiti pendidikan sama ada dengan mengubah paradigma, menyiapkan sarana fizikal, menyediakan guru yang kompeten, menyiapkan kurikulum yang relevan, dan memenuhi dana. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PPPM), guru dilabel sebagai penggerak yang paling utama dan kritikal di peringkat sekolah untuk menentukan keberhasilan murid berada pada tahap optimum bersandarkan kualiti

pengajaran mereka.

Kualiti pengajaran sering dirujuk kepada penyampaian kandungan berdasarkan aplikasi pelbagai amalan terbaik pedagogi, penglibatan aktif semua murid dalam aktiviti pembelajaran, pemilihan pendekatan yang berpusatkan murid, dan akhir sekali pelaksanaan penilaian bagi tujuan pentaksiran sumatif dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (PPPM, 2013). Keyakinan kerajaan melalui PPPM justeru meletakkan pengajaran guru yang berkualiti dan dinamik mendepani isu persaingan semasa. Di samping itu, kurikulum yang dinamik turut dapat dilaksanakan, seterusnya berkebolehan memainkan peranan guru dengan berkesan demi memenuhi aspirasi serta kehendak individu, masyarakat, dan negara (Fatimah Affendi, 2014).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah asas serta panduan bagi seseorang guru mendidik muridnya untuk memenuhi aspirasi murid (PPPM, 2013). Kajian tinjauan dan Dialog Nasional yang dijalankan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melibatkan 24 000 guru dan pemimpin sekolah serta 26,000 wakil pelbagai pihak berkepentingan, mendapati keperluan untuk mempertingkatkan kualiti guru khususnya kualiti pengajaran dan kepimpinan sekolah adalah mendesak (PPPM, 2013). Norsita Ali dan Zainal Madon (2014) menyatakan bahawa kualiti sistem sekolah tidak boleh melebihi kualiti gurunya. Sebaik mana pun pendidikan, tanpa ditunjangi guru yang berkualiti, segala usaha ke arah peningkatan mutu pendidikan hanya menemui kegagalan. Lazimnya, peningkatan mutu pendidikan memerlukan guru yang berkualiti, sentiasa bertenaga sesuai dengan harapan, dan komitmen pada tugas dalam mencerdaskan kehidupan modal insan.

Keperluan perlunya suatu piawaian kualiti pengajaran di Malaysia sebenarnya termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Subseksyen 117a). Melalui akta tersebut, jelas bahawa penekanan terhadap tahap pengajaran yang memuaskan perlu diwujudkan serta dikekalkan dalam institusi pendidikan. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti merupakan dua badan yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan kualiti pengajaran guru sentiasa berada pada tahap tinggi (Zarina, 2016). Justeru, kualiti pengajaran guru merupakan penentu paling penting bagi keberhasilan murid sejajar dengan FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di semua peringkat sekolah sama ada pra, rendah mahupun menengah.

Peringkat sekolah rendah merupakan tahap pendidikan yang amat kritikal kerana menjadi medan permulaan dalam mendidik murid menjadi modal insan yang dapat memenuhi keperluan pembangunan negara (Mohammad Faizal et al., 2015). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan objektif pendidikan sekolah rendah ialah membantu perkembangan diri murid, persediaan persekolahan menengah, pemahaman budaya dan kemahiran sosial, pembinaan minat, keagamaan dan moral serta kesediaan memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara. Sehubungan itu, guru sekolah rendah perlu mempunyai tanggungjawab dan komitmen tinggi melalui pengajaran mereka yang berkualiti dan efektif bagi memastikan segala objektif yang ditetapkan dapat dicapai. Dalam perkara ini, meningkatkan kualiti pengajaran guru adalah merujuk kepada tahap pengetahuan dan komitmen guru terhadap pembelajaran murid, pengetahuan tentang subjek yang diajar serta mengetahui kaedah pengajaran yang terbaik untuk menyampaikan ilmu, berkebolehan untuk mengurus dan mengawas pembelajaran murid (Kim, 2012).

Sorotan Kajian

Sorotan literatur menunjukkan tahap kualiti pengajaran guru berbeza dapatan yang merentasi lokasi dan tahun penyelidikan. Beberapa kajian menunjukkan tahap kualiti pengajaran guru berada pada aras tinggi. Hal ini menunjukkan kualiti pengajaran dalam kalangan guru dilaksanakan dengan baik hasil kesedaran guru terhadap komitmen mereka. Lloyd (2019) adalah antara pengkaji yang mendapati kualiti pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Seterusnya, dapatan Muhammad Faizal et al. (2015) berkaitan dimensi pengajaran dalam kualiti pengajaran guru turut disimpulkan berada pada tahap tinggi melalui amalan pengajaran berkesan bilik darjah dari aspek kaedah dan fizikal. Berkaitan dimensi pengurusan bilik darjah pula, Silvri dan Balci (2015) mendapati wujudnya amalan positif guru dalam mengurus bilik darjah dan majoriti guru bersetuju tentang kepentingan mengawal disiplin murid dalam pengajaran. Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, terbukti kualiti pengajaran guru adalah pada tahap tinggi.

Sungguhpun begitu, literatur juga menunjukkan kualiti pengajaran guru diamalkan pada tahap sederhana dan rendah. Keadaan ini membuktikan bahawa tahap kualiti pengajaran guru sebenarnya bergantung kepada guru sebagai individu utama di dalam bilik darjah. Muhammad Faizal et al. (2015) misalnya, walaupun kajiannya mendapati pelaksanaan pengajaran diamalkan pada tahap tinggi, namun keadaan tersebut sebenarnya masih berada di bawah penanda aras kritikal di lokasi kajian mereka. Dalam hal ini, pengurusan bilik darjah yang berkaitan dengan fizikal bilik darjah belum tentu menjamin keselarian dengan amalan sebenar kualiti pengajaran guru keseluruhannya.

Sorotan literatur turut menunjukkan ketidakselarasan dapatan kajian berkaitan pengurusan tingkah laku murid di dalam kualiti pengajaran guru. Sesetengah pengkaji mendapati kawalan guru adalah sederhana terhadap tingkah laku murid. Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim Tamuri (2017), sebagai contoh, mendapati kawalan guru adalah sederhana dalam pengurusan tingkah laku dan pengajaran. Secara perbandingan, terdapat juga kajian yang menunjukkan dimensi kualiti pengajaran guru berada pada tahap tinggi dan sederhana secara serentak tergantung kepada keadaan dan lokasi. Hasil dapatan yang sama turut diperolehi melalui kajian Price & Weatherby (2018) yang mendapati tahap kawalan guru berpengalaman cenderung pada aras tinggi. Hasil sorotan beberapa literatur ini mengesahkan bahawa pengurusan tingkah laku guru di bilik darjah adalah bergantung kepada keadaan, selain pertimbangan terhadap kaedah pengajaran yang diguna pakai serta kesungguhan guru tahap kebolehan murid.

Literatur berkaitan kualiti pengajaran guru berdasarkan faktor demografi (jantina, pengalaman mengajar dan lokasi bertugas) dalam membezakan persepsi guru turut menunjukkan kepelbagaian dapatan merentasi lokasi dan tahun penyelidikan. Kajian oleh Sivri dan Balci (2015) adalah antara beberapa penyelidikan yang membuktikan guru perempuan mempunyai kualiti pengajaran yang tinggi dalam berbanding guru lelaki dalam pelbagai dimensi pengurusan. Rabl et al. (2020), dalam kajian mereka berkaitan mengurus bilik darjah dalam menghasilkan kualiti pengajaran mendapati amalan guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding guru lelaki.

Dalam kajian Silvri dan Balci (2015) juga membuktikan guru perempuan mempunyai persepsi lebih tinggi dalam hal keberkesanan dimensi pengurusan tingkah laku murid di bilik darjah dalam soal mengekalkan peraturan bilik darjahnya berbanding guru lelaki. Sungguhpun terbukti guru perempuan melaksanakan pengurusan bilik darjah pada tahap tinggi, namun hal tersebut pada umumnya masih boleh dipertikaikan. Perbincangan berkaitan jantina tidak pernah

selesai berkaitan dimensi pengurusan bilik darjah. Sorotan terhadap beberapa kajian lain pula mendapati amalan guru lelaki lebih baik atau lebih tinggi dalam kualiti pengajaran. Kajian Phelps et al. (2020) misalnya, memberikan rumusan bahawa guru lelaki mempunyai tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan kualiti pengajaran. Selain itu, beberapa kajian lain lagi turut membuktikan ketepatan perkara tersebut seperti O'Leary dan Wood (2019).

Manakala, Smith dan Neale (2003) mendapati guru lelaki mempunyai tahap yang tinggi dalam mempersepsikan kualiti pengajaran khususnya pengurusan pengajaran. Hal yang sama turut diperoleh melalui kajian Hirsch, (2019) dalam kalangan guru lelaki bahasa Inggeris mempunyai kualiti pengajaran di segi pengurusan tingkah laku murid. Sungguhpun banyak hasil dapatan berkaitan kualiti pengajaran guru cenderung sama ada kepada lelaki mahupun perempuan, namun masih terdapat kekecualian apabila kedua-dua jantina dilaporkan memiliki skor yang hampir sama seperti dalam kajian Beswick dan Fraser (2019).

Dapatan kajian yang cukup menarik perhatian diperoleh melalui kajian Puteri Darishah Dali et al. (2017) kerana dapatan ini dilihat dari perspektif murid. Hasil analisis dalam perspektif murid terhadap kualiti pengajaran guru menunjukkan mempunyai hubungan signifikan dengan kepuasan murid. Dapatan tersebut membuktikan bahawa pengajaran guru yang baik dan berkesan akan membolehkan murid menguasai pembelajaran dengan sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan hasil kajian McTighe dan Silver (2020) menjelaskan kualiti pengajaran guru adalah guru yang menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran mudah difahami, mudah diingat dan menyeronokkan murid.

Literatur lepas oleh Yahaya et al. (2018) yang melakukan kajian berkaitan amalan pengajaran dalam kalangan guru di Malaysia. Kajian adalah bertujuan untuk mengukur kemampuan kognitif guru (kemahiran penilaian, kemahiran ICT dan pengetahuan kokurikulum) dan pengetahuan guru serta kemahiran interpersonal terhadap kualiti pengajaran guru. Di samping itu mengetengahkan mengenai ciri-ciri yang perlu ada dalam suatu pengajaran guru yang berkualiti. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kemampuan kognitif guru dan personaliti guru mempengaruhi pengajaran guru. Namun, keperibadian yang baik sahaja tidak mencukupi dalam hal meningkatkan komitmen guru dan tanggungjawab terhadap muridnya kecuali jika dilengkapi oleh kecekapan kognitif guru (kebolehan kognitif).

Selain itu, kajian Tolochko (2019) juga memilih variabel kemahiran insaniah guru dengan kualiti pengajaran guru. Kemahiran insaniah (kerja berpasukan, berkomunikasi, berfikir kritis dan kepimpinan) yang dipilih merupakan keperluan kemahiran murid abad ke-21 juga digariskan melalui aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025. Penguasaan guru dalam melaksanakan kemahiran yang memenuhi aspirasi murid menunjukkan suatu yang perlu ada dalam pengajaran guru yang berkualiti. Justeru, agenda meningkatkan kualiti pengajaran guru menjadi suatu yang sangat penting untuk bidang pendidikan terutamanya kemenjadian murid dalam mendepani keperluan global.

Metodologi

Penyelidik memilih reka bentuk tinjauan (*survey*) dengan tujuan untuk meninjau dan mengumpul maklumat berkaitan pengetahuan pedagogi (PP), pengetahuan kandungan (PK), komitmen guru (KG) dan kualiti pengajaran (KPG) guru sekolah rendah di Sabah. Penggunaan reka bentuk ini membolehkan pengkaji melihat soalan kajian dari skop yang lebih luas dan menyeluruh, dapat

memperoleh banyak maklumat daripada sampel yang besar dan memperoleh keputusan analisis dalam masa yang singkat. Di samping itu, penggunaan reka bentuk ini dapat memberi gambaran mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi dengan fakta yang tepat seperti jenis soalan, isu dan permasalahan dari pelbagai sudut, terutamanya mengenai sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya (Creswell, 2012).

Data kuantitatif dalam kajian ini diperoleh melalui borang soal selidik yang digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan kedudukan PP, PK, KG dan KPG sekolah rendah di Sabah. Dalam kajian ini, soal selidik telah digunakan melibatkan kumpulan responden dari kalangan guru sekolah rendah. Soal selidik kajian diberikan kepada guru sekolah rendah yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga mengajar sekolah rendah pada tahun semasa.

Dengan menggunakan reka bentuk ini, pengkaji dapat menganalisis bagaimana dan beberapa variabel, sama ada bersendirian atau pun bersama variabel lain yang mempengaruhi kualiti guru. Satu lagi reka bentuk yang digunakan ialah *Structural Equation Modeling (SEM)* untuk menguji model yang dibina.

Dapatan Kajian

Hipotesis kajian H_{01} ini adalah untuk menentukan sama ada wujud pengaruh dan sekuat mana pengaruh item peramal pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan komitmen guru terhadap variabel kualiti pengajaran guru. Hipotesis Nul yang diuji dalam kajian ini dinyatakan seperti berikut:

Hipotesis Nul H_{01} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan variabel pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, dan komitmen guru terhadap variabel kualiti pengajaran guru .

Prosedur analisis regresi digunakan untuk meramal dan menerangkan nilai antara satu variabel bersandar dengan beberapa variabel bebas. Analisis ini juga akan menunjukkan sekuat mana pengaruh variabel peramal PP, PK dan KG terhadap KPG. Berdasarkan Jadual 1, kesemua tiga variabel peramal iaitu PP, PK dan KG dapat dimasukkan ke dalam model regresi pada aras signifikan $p \leq 0.05$. Penyelidik menggunakan kaedah *Stepwise* untuk menentukan kekuatan setiap variabel bebas dalam meramal variabel bersandar kajian. Dapatan ini menunjukkan perubahan dalam ketiga-tiga variabel peramal akan menyumbang kepada perubahan dalam variabel bersandar KPG apabila dikombinasikan. Analisis regresi ini diteruskan dengan melihat kepada analisis Model Summary seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Analisis Ujian *Stepwise* Variabel Peramal Kajian terhadap KPG

Mode 1	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Pengetahuan Pedagogi (PP)		Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter \leq .050, Probability-of-F-to-remove \geq .100).
2	Pengetahuan Kandungan (PK)		Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter \leq .050, Probability-of-F-to-remove \geq .100).
3	Komitmen Guru (KG)		Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter \leq .050, Probability-of-F-to-remove \geq .100).

a. Dependent Variable: Kualiti_Pengajaran

Hasil analisis dalam Jadual 2 menunjukkan kolerasi kesemua tiga variabel peramal PP,PK dan KG dengan variabel criterion KPG adalah tinggi. Model 1, $r = .822$, model 2, $r = .857$ dan model 3, $r = .859$. Berdasarkan analisis (model 3) kombinasi kesemua tiga variabel peramal mempunyai kolerasi yang paling tinggi dengan variabel criterion KPG ($r=.859$). Analisis ujian regresi juga menunjukkan peratusan pengaruh kesemua tiga variabel peramal terhadap variabel criterion. Ini menunjukkan bahawa nilai kombinasi kesemua variabel peramal $R^2=0.738$, $p=0.00$ ($p<0.05$) model 3 yang menyumbang penyebab kepada perubahan variabel *criterion*.

Jadual 2 Analisis Ujian Regresi Pelbagai

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.822 ^a	.676	.675	.230
2	.857 ^b	.734	.733	.208
3	.859 ^c	.738	.737	.207

a. Predictors: (Constant),Pengetahuan_Kandungan

b. Predictors: (Constant), Pengetahuan_Kandungan, Komitmen_Guru

c.Predictors:(Constant), Pengetahuan Kandungan, Komitmen Guru, Pengetahuan Pedagogi

d. Dependent Variable: Kualiti Pengajaran

Dalam hal ini, variabel peramal PP,PK dan KG dapat menerangkan 73.8 peratus daripada varians yang wujud dalam variabel criterion KPG. Manakala selebihnya 26.2 peratus kualiti pengajaran guru ditentukan oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Analisis ini juga dibuktikan melalui ujian ANOVA dalam Jadual 3. Berdasarkan Jadual 3, analisis ANOVA sehala menunjukkan kesemua tiga variabel peramal mempengaruhi variabel bersandar kajian. Dapatan ini membuktikan melalui data analisis model 3 yang menunjukkan nilai $F = 466.467$ signifikan pada $p<0.00$.

Jadual 3 Analisis Ujian ANOVA Variabel Peramal Kajian

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
3	Regression	60.236	3	20.079	466.467	.000 ^d

Jadual 4 menunjukkan sumbangan setiap variabel peramal kepada variabel criterion. Berdasarkan nilai *Standardized Coefficients* (Beta) variabel bebas PK (B=0.488) merupakan peramal yang lebih baik terhadap variabel bersandar KPG berbanding KG (B= 0.364) dan PP (B=0.089). Kesimpulan ini dibuat pada aras signifikan dari $p < .000$ dan menunjukkan bahawa pekali regresi di populasi dari mana sampel diperolehi adalah positif, $t = 12.000$, $p < .000$. Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nul dan membuat kesimpulan bahawa variabel peramal PP, PK dan KG merupakan peramal yang signifikan dalam menentukan KPG. Di samping itu penyelidik juga telah menjalankan ujian *Coefficients* bagi menentukan pengaruh setiap variabel bebas kepada variabel bersandar kajian. Dapatan analisis ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Analisis Pengaruh *Coefficients Beta* Variabel Peramal Terhadap Variabel *criterion*

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	Pengetahuan_Pedagogi	.089	.031	.089	2.857	.004
2	Pengetahuan_Kandungan	.471	.039	.488	12.000	.000
3	Komitmen_Guru	.316	.030	.364	10.471	.000

a. *Dependent Variable*: Kualiti_Pengajaran

Berdasarkan Jadual 5.0, nilai koefisien beta (β) bagi variabel peramal menunjukkan seandainya pengetahuan pedagogi meningkat 1 unit sisihan piawai, hal tersebut menyebabkan peningkatan terhadap kualiti pengajaran guru sebanyak 0.089 ($\beta = 0.089$, $C.R = 0.062$, $p < 0.05$) unit sisihan piawai. Seterusnya, apabila variabel pengetahuan kandungan meningkat sebanyak 1 unit sisihan piawai, hal tersebut turut meningkatkan kualiti pengajaran guru sebanyak 0.471 ($\beta = 0.471$, $C.R = 0.676$, $p < 0.05$) unit sisihan piawai. Manakala, peningkatan 1 unit sisihan piawai komitmen guru turut meningkatkan kualiti pengajaran guru sebanyak 0.316 ($\beta = 0.316$, $C.R = 0.058$, $p < 0.05$) unit sisihan piawai. Nilai R^2 (*squared multiple correlation*) yang diperoleh dari ketiga-tiga variabel peramal dapat meramal kualiti pengajaran guru sebanyak 73.8% varians. Hal ini bererti, sebanyak 26.2 peratus varians variabel kualiti pengajaran guru adalah disebabkan faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan ke dalam model persamaan berstruktur kajian ini. Oleh kerana nilai signifikan adalah kurang daripada $p < 0.50$, maka terbukti variabel-variabel peramal mempunyai pengaruh secara signifikan terhadap kualiti pengajaran guru. Dengan ini, Hipotesis Nul (H_{01}) ditolak. Kajian ini merumuskan bahawa variabel PP, PK dan KG mempunyai pengaruh terhadap KPG.

Jadual 5 Pengaruh Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan, dan Komitmen guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru

Variabel		<i>Estimate</i> (<i>R</i> ²)	<i>Estimate</i> (<i>β</i>)	<i>S.E</i>	<i>C.R.I</i>	<i>P</i>
KPG	<--- PK	.738	.471	.039	.676	.000
KPG	<--- KG		.316	.030	.058	.000
KPG	<--- PP		.089	.031	.062	.004

*Signifikan pada aras $p < 0.05$, ** $p < 0.01$; *** $p < .001$

Perbincangan

Dalam subtajuk ini, penjelasan lanjut berkaitan kekuatan pengaruh variabel bebas (peramal) kajian iaitu pengetahuan pedagogi (PP), pengetahuan kandungan (PK) dan komitmen guru (KG) terhadap variabel bersandar (kriteria) kualiti pengajaran guru (KPG) sekolah rendah di negeri Sabah. Hasil analisis dapatan menunjukkan PP, PK dan KG diterima sebagai peramal terhadap kualiti pengajaran guru. Oleh itu, kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga variabel bebas adalah berpengaruh terhadap kualiti pengajaran guru. Dapatan ini bertentangan dengan White et al. (2019), yang menyatakan bahawa wujud faktor lain yang menjadi penyumbang kepada kualiti pengajaran guru iaitu efikasi pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan penglibatan murid. Begitu juga dengan pandangan Pea (2020), yang bertentangan apabila mendapati bahawa kualiti pengajaran guru dipengaruhi oleh tiga indikator iaitu hubungan murid dengan kandungan mata pelajaran, kualiti kepada pelaksanaan dan kualiti kepada pengurusan bilik darjah.

Dalam kajian Khoza (2016), pengetahuan pedagogi ternyata menjadi peramal terhadap keberkesanan kualiti pengajaran. Selain itu, pengetahuan pedagogi yang diukur melalui amalan pengajaran berdasarkan tahap kefahaman murid dan pelbagai pendekatan pengajaran berpusatkan murid dalam persekitaran kondusif mampu menjana pemikiran murid. Dalam kajian Leite et al. (2018), ternyata pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi menjadi peramal kepada kualiti pengajaran guru. Pengetahuan kandungan diberi makna sebagai pengetahuan guru tentang konsep dan kaedah untuk disiplin atau bidang tertentu dalam mata pelajaran yang diajar. Manakala pengetahuan pedagogi merupakan ‘campuran’ di antara kandungan dan pengetahuan pedagogi untuk membentuk satu pemahaman tentang bagaimana sesuatu topik, masalah atau isu tertentu disusun, diwakili dan diadaptasikan dengan pelbagai minat dan kebolehan dalam kalangan murid dan dipersembahkan dalam bentuk pengajaran (Shulman, 1992). Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi saling melengkapi bagi menghasilkan pengajaran yang berkualiti.

Kajian Ford et al. (2019) turut menyelidiki aspek komitmen guru dari sudut kesungguhan dan kesetiaan mendapati wujudnya pengaruh secara signifikan terhadap pelaksanaan penilaian berasaskan sekolah, murid dan profesionalisme. Pengaruh kesungguhan guru dan memastikan berjaya dalam merancang, melaksana serta menilai prestasi pembelajaran murid diyakini dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan bermakna.

Secara empirikal, kesemua variabel bebas telah menunjukkan pengaruh masing-masing terhadap variabel bersandar. Pengetahuan kandungan terbukti menghasilkan nilai tertinggi dalam meramal pengaruhnya terhadap kualiti pengajaran guru dengan nilai sumbangan melebihi

empat puluh peratus. Diikuti oleh variabel komitmen guru dan diakhiri oleh variabel pengetahuan pedagogi yang merupakan penyumbang pengaruh yang paling sedikit terhadap variabel bersandar. Maka ketiga-tiga variabel ini perlu diberikan keutamaan yang dalam usaha memartabatkan pendidikan negara.

Dapatan ini selari dengan dapatan Meschede et al. (2017) yang menyatakan bahawa guru yang berpengalaman tetapi kurang berpengetahuan tentang suatu topik tertentu berkecenderungan untuk berpandu kepada buku teks semasa merancang sesuatu pengajaran. Guru yang kurang berpengetahuan selalu menyediakan soalan peperiksaan yang berbentuk kefahaman dan pengetahuan asas. Sebaliknya, guru yang lebih berpengetahuan mampu mengemukakan soalan aras tinggi yang memerlukan kemahiran mengaplikasikan dan analisis (Abdul Ghani Abdullah et al., 2008). Guru yang mempunyai pengetahuan kandungan dalam mata pelajaran yang diajar lebih mampu mengesan pengetahuan konsepsi sedia ada dalam kalangan murid, menggunakan peluang untuk perbincangan sebagai meningkatkan kefahaman murid dan seterusnya berjaya menangani masalah bilik darjah yang umum.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan komitmen guru menunjukkan perbezaan, hubungan dan pengaruh secara langsung terhadap kualiti pengajaran guru. Kajian juga menunjukkan terdapat pengaruh, dan hubungan secara langsung dan tidak langsung komitmen guru dengan kualiti pengajaran guru. Keputusan kajian juga mendapati variabel pengantara memberi kesan separa dan kesan penuh terhadap hubungan di antara variabel bebas dan variabel bersandar. Menerusi ujian analisis laluan model persamaan struktur, satu model kualiti pengajaran guru telah dibangunkan. Model ini membuktikan bahawa pengetahuan kandungan dan komitmen guru merupakan peramal utama yang memberi pengaruh terhadap kualiti pengajaran guru dalam kalangan guru. Sebagai rumusannya, kejayaan perubahan dalam sistem pendidikan negara bergantung kepada banyak faktor. Menerusi kajian ini, terbukti faktor guru memainkan peranan penting terutamanya sebagai pemimpin senyap di dalam bilik darjah bagi menentukan haluan kecemerlangan murid berbudaya ilmu abad ke-21 menerusi perancangan, kawalan dan pelaksanaan pengurusan mereka.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abd.Aziz dan Mohammed Zohir Ahmad. (2008). *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Beswick, K., & Fraser, S. (2019). *Developing mathematics teachers' 21st century competence for teaching in STEM contexts*. *ZDM*, 51(6), 955-965.
- Creswell, J. W. (2012). *Educating research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (4th ed). Boston: Pearson Education.
- Fatimah Binti Affendi (2014), *Tahap Kepuasan Kerja Dan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Guru Kolej Vokasional: Pendekatan Structural Equation Model*, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Ford, T. G., Olsen, J., Khojasteh, J., Ware, J., & Urick, A. (2019). The effects of leader support for teacher psychological needs on teacher burnout, commitment, and intent to leave. *Journal of Educational Administration*.

- Hirsch, E. D. (2019). *Why knowledge matters: Rescuing our children from failed educational theories*. Harvard Education Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya:Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khoza, S. B. (2016). Is teaching without understanding curriculum visions and goals a high risk? *South African Journal of Higher Education*, 30(5), 104-119.
- Kim, C. Y. (2012). Policing School Discipline. *Brooklyn Law Review*, 77(3), 861-903. Brooklyn Law School.
- Leite, F. N., Hoji, E. S., & Júnior, H. A. (2018). Collaborative teaching and learning strategies for communication networks. *The International journal of engineering education*, 34(2), 527-536.
- Lloyd, C. A. (2019). Exploring the real-world decision-making of novice and experienced teachers. *Journal of Further and Higher Education*, 43(2), 166-182.
- McTighe, J., & Silver, H. F. (2020). *Teaching for Deeper Learning: Tools to Engage Students in Meaning Making*. ASCD.
- Meschede, N., Fiebranz, A., Möller, K., & Steffensky, M. (2017). Teachers' professional vision, pedagogical content knowledge and beliefs: On its relation and differences between pre-service and in-service teachers. *Teaching and teacher education*, 66, 158-170.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Abd. Khalil Adnan, (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia : Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (2).
- Norsita Ali & Zainal Madon. (2014). *Tinjauan Awal Interaksi Guru - Kanak-Kanak Dalam Pemupukan Pemikiran Kreatif Kanak-Kanak Prasekolah*. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR. 735-746
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri. (2017). Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlangan Pendidikan Islam. *The Online Journal Of Islamic Education*. 5 (2).
- O'Leary, M., & Wood, P. (2019). Reimagining teaching excellence: why collaboration, rather than competition, holds the key to improving teaching and learning in higher education. *Educational Review*, 71(1), 122-139.
- Pea, R. D. (2020). Putting knowledge to use. *Technology in education: Looking toward*, 169-212.
- Phelps, G., Gitomer, D. H., Iaconangelo, C. J., Etkina, E., Seeley, L., & Vokos, S. (2020). Developing Assessments of Content Knowledge for Teaching Using Evidence-centered Design. *Educational Assessment*, 25(2), 91-111.
- Price, H. E., & Weatherby, K. (2018). The global teaching profession: how treating teachers as knowledge workers improve the esteem of the teaching profession. *School Effectiveness and School Improvement*, 29 (1), 113-149.
- Puteri Darishah Dali, Dr. Yaakob and Prof. Dr. Mohd Sofian Okar,(2017) The Relationship between Teachers' Quality in Teaching and Learning with students' Satisfaction, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7 (7).
- Rabl, T., del Carmen Triana, M., Byun, S. Y., & Bosch, L. (2020). Diversity management efforts as an ethical responsibility: How employees' perceptions of an organizational integration and learning approach to diversity affect employee behavior. *Journal of Business Ethics*, 161(3), 531-550.
- Shulman, L. S. (1992). *Knowledge and teaching: Foundation of the new reform*. Harvard Educational Review, 57 (1), 1-22.
- Smith, D. C. & Neale, D. C. (2003). *The construction of subject matter knowledge in primary*

- science teaching*. *Teaching & Teacher Education*, 5(1), 1-20.
- Silvri, H., & Balci, E. (2015). Pre-Service Teachers' Classroom Management Self-Efficacy Beliefs. *International Online Journal of Education Sciences*, 7(4), 37 -50
- Tajul Aripin, Ahmad Fauzi & Suriati (2015), Curriculum change in English language Curriculum Advocates Higher Order Thinking skills and Standards-Based Assessments in Malaysian Primary Schools, *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (2).
- Tolochko, S. (2019). Integrated competence of teaching and academic staff for the system of postgraduate pedagogical education. *ScienceRise: Pedagogical Education*, 1 (28), 22-29.
- White, L., Lockett, A., & Currie, G. (2019). *How does the availability and use of flexible leave influence the employer–employee relationship?* *Human Resource Management*.
- Yahaya, A., Maalip, H., Yahaya, N., & Theng, L. T. (2018). Hubungan gaya kepemimpinan guru besar dengan faktor-faktor kepemimpinan di sekolah cemerlang. *Journal of Education Management*, 1(4), 1-23.
- Zarina Abdullah Rashid. (2016). *Tahap Kesiediaan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zeng, Y. (2020). Evaluation of physical education teaching quality in colleges based on the hybrid technology of data mining and hidden Markov model. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 15(01), 4-15.